

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan tentang Kata Kerja Mabniy dalam bahasa Arab. Sebahagian besar kata kerja dalam bahasa Arab adalah mabniy, di mana semua kata kerja kala lampau dan kata kerja imperatif adalah tergolong di kalangan kata kerja mabniy. Begitu juga kata kerja kala kini yang bersambung dengan nuun niswat atau pun nuun tawkiid mubaasharat. Ini bermakna bahawa hanya kata kerja kala kini yang tidak bersambung dengan nuun niswat atau pun nuun tawkiid mubaasharat sahaja yang termasuk ke dalam golongan kata kerja fleksi.

Pemakaian tanda mabniy bagi kata kerja kala lampau berlaku dalam salah satu daripada tiga keadaan, iaitu dengan baris fathat, baris dammat atau tanda sukuun. Begitu juga dengan kata kerja imperatif di mana ianya disandarkan dengan salah satu daripada empat keadaan, iaitu dengan tanda sukuun, dengan pengguguran huruf 'illat atau hutuf nuun atau pun dengan baris fathat, manakala kata kerja kala kini disandarkan ke dalam salah satu dari dua keadaan, iaitu dengan tanda mati atau baris fathat. Keadaan ini berlaku apabila sesuatu kata kerja itu bersambung dengan ganti nama pelaku yang berlainan dan pelbagai situasi dan keadaan.

Hasil kajian lapangan menunjukkan bahawa pelajar dapat menjawab dengan baik dalam bahagian kata kerja kala lampau dan kata kerja kala kini, tetapi lemah dalam kata kerja imperatif. Dari segi perbezaan jantina pula, pelajar perempuan mengatasi pelajar lelaki dalam bahagian kata kerja kala lampau dan kala kini, tetapi bagi kata kerja imperatif pula pelajar lelaki dapat mengatasi pelajar perempuan. Penguasaan sepenuhnya terhadap semua kata kerja khususnya kata kerja mabniy akan membantu mereka dapat menggunakan bahasa Arab dengan baik dan dapat memahami teks dan ucapan dengan betul, kerana sebahagian besar ayat-ayat di dalam bahasa Arab adalah tergolong dalam kata kerja mabniy.

ABSTRACT

This study discusses the '*Mabniy*' verb in Arabic. A large part of the verbs in Arabic is '*Mabniy*' which includes forms in the past tense, the imperative and the present tense that are either connected to the *nuun niswat* or the *nuun tawkiid mubaasharat*. Thence, all other present tense verb forms which are not connected to both of the forms stated above, fall under the group of flexible verbs.

Auxiliary *mabniy* verbs for the past tense forms can occur in three instances; viz: above the *fatḥa* line, the *ḍamma* line or the *sukuun* mark. This is also the case for the imperative verbs which can appear in any one of the following **four auxiliary** forms; above the *shun* mark, above the use of '*illa* letter, or *nuun* or even above the *fatḥa* line, Whereas, auxiliary present tense verb forms can either appear above the vowel less or the *fatḥa* line. This occurs when a verb is **connected to the** personal pronouns in varies situations,

The findings of this study show that students performed well in the section requiring the use of **the** past and the present tense verb forms, but they **were weak** in the section requiring the use of the imperative verb forms. There were **also** differences in the performance of male and **female** students. The **males did better** in the section **requiring** the **use** of the imperative verb forms while the females **showed** better results in the use of both, the past and the present **tense** verb **forms**. Hence, **being** proficient in the **used** of verbs especially the ***mabniy verbs*** in order to **be** able to perform well in the language including understanding of texts and **speeches** precisely **because a large part** of the sentences in the **Arabic language is made up of** ***mabniy verbs***.